

120 sukarelawan JKM, PDK ikut kursus asas kepimpinan



MUHAMMAD SHAIFUL



NORIATI

BATANG KALI - Seramai 120 sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Dalam Komuniti (PDK) daerah ini mengikuti Kursus Asas Kepimpinan selama tiga hari di Kem Bina Negara Balik Pulau, Pulau Pinang bermula, semalam.

Kursus tersebut bertujuan mendedahkan sukarelawan terhadap ilmu asas kepimpinan bagi memimpin kelompok individu yang berminat terhadap khidmat masyarakat secara sukarela.

Pengerusi Sukarelawan JKM Daerah Hulu Selangor, Muhammad Shaiful Harun berkata, kursus yang dilaksanakan di luar kawasan itu sebagai tanda penghargaan kepada kalangan sukarelawan yang aktif sepanjang tahun ini.

"Harapan kita sekembalinya mereka nanti akan dapat mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperoleh untuk melaksanakan aktiviti kesukarelawanan," katanya pada majlis pelepasan peserta kursus, kelmarin.

Pelepasan peserta disempurnakan Adun Batang Kali, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan.

Seorang peserta, Noriati Mohamed Saad, 62, berkata, walaupun aktif sejak 12 tahun lalu sebagai sukarelawan namun dia tetap dambakan ilmu tambahan bagi melengkapkan pengetahuan diri.

Menurutnya, seorang sukarelawan perlu mempunyai daya kepimpinan dan berilmu kerana memberi khidmat kepada masyarakat terutama golongan yang berkemampuan.

"Diakui sukar menarik golongan muda terlibat dalam aktiviti sukarelawan namun usaha dilakukan berterusan agar lebih ramai yang terlibat," katanya.